**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 22 MAC 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **The Star** | |
| - Looking to Wolbachia for solution | 04 |
| **KOSMO** | |
| - Kemeriahan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia | 28-29 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - Identiti syurga makanan tercalar | 46-47 |
| - Rangka motosikal, peti sejuk dicampak dalam sungai | 46 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>22 MAC 2019 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Looking to Wolbachia for solution |
| Muka Surat | 04 |



PRIYA MENON and SHEILA SRI PRIYA at the Selangor State Assembly

TS 22/3/19 M/S 04.

# Looking to Wolbachia for solution

## Selangor hopes to use bacteria to put a stop to dengue menace

SELANGOR will use a new biological vector control management method to fight dengue.

Dr Siti Mariah Mahmud (PH-Seri Serdang) said the Wolbachia bacteria was found in 60% of insects, and the dengue virus could not breed in the mouth gland of Aedes mosquitoes if the organism was present.

Malaysia is the 10th country in the world to carry out research on the method.

"We hope to be the second in the world to embark on this method after Australia," she said, adding that the countries doing research on the use of the bacteria to fight dengue were Australia, Singapore, China, Thailand and Brazil.

Based on research carried out in Malaysia, there was a reduction of up to 80% in dengue cases at seven hotspots in Selangor.

"The bacteria does not exist in the Aedes Aegypti but it can be injected into the insect.

"The wild Aedes Aegypti mosquito will be injected with the Wolbachia microorganism, and the eggs will then be released at hotspot areas.

"When the mosquitoes hatch, they will contain the microorganism and will not be able to transfer the dengue virus," she said.

Dr Siti Mariah revealed that dengue cases increased by 200% in the same corresponding period compared to last year.

There were 17,004 dengue cases this year compared to 6,138 cases last year until March 9, she said.

"I admit there is an increase of cases by 200%. This is due to a new pattern of the disease.

"Local councils continue to carry out enforcement action, and breeding grounds have been found at night and morning markets, construction sites, illegal plantations and even bus stations," she said.

Dr Siti Mariah added that dengue hotspots were also found in high- density areas such as apartments.

"Dengue worsens with the rainy season and high population.

"The Aedes larvae can live up to six months even in dry areas. When there is water, the eggs will hatch.

"Our solution is to get rid of breeding grounds.





Filepic of students in various Klang schools being taught to identify potential Aedes breeding sites and how to eliminate the problem, and (right) a Kajang Municipal Council Health and Environment officer showing a bottle containing larvae found at a residential premises.

"We always rely on fogging and we feel comfortable that we have killed the adults but the eggs that hatch a few days after fogging also contain the virus," she said.

Selangor will channel RM1.24mil to local councils this year for the councillors to carry out community programmes on dengue prevention.

Dr Siti Mariah also asked each assemblyman to allocate at least RM10,000 for this purpose.

To eradicate dengue breeding grounds, the state government will implement a programme at all government and government-linked buildings, quarters and its assets to be free of mosquito breeding grounds.

"We rarely find cases in schools. This is because the State Education Department has placed school principals in charge of cleanliness," she said.

The state government has also allocated RM500,000 for its Selangor Gempur Aedes campaign since January.

The campaign will see search-and-destroy measures adopted at mosquito hotspots, strengthening of the district one-stop crisis centre to plan and coordinate activities between local councils to optimise the best use of council resources, she said.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>22 MAC 2019 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | KOSMO |
| Tajuk Berita | Kemeriahan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia |
| Muka Surat | 28-29 |





Oleh FARID AHMAD TARMIJI
Foto FARID JANUDDIN



# Kemeriahan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia

KOSMO 22/3/19 MS 28-29

KANDID

EBERAPA engunjung anak-kanak ruja apabila erpeluang elihat burung eliharaan.

KANAK-KANAK diceriakan dengan kehadiran badut.

PARA peserta berswafoto selepas menyertai acara larian.

ACARA larian sempena karnival itu turut menarik penyertaan daripada pelbagai lapisan peringkat umur.

PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

SALAH seorang kakitangan Hospital Ampang membantu seorang pengunjung melakukan pemeriksaan kesihatan.

JAM menunjukkan pukul 7 pagi dan suasana di padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ampang di Selangor sudah dipenuhi dengan orang ramai untuk beriadah.

**Nur Huda Shamsul Bahari**, 33, juga tidak melepaskan peluang untuk membawa bersama dua orang anak untuk beriadah di kawasan itu.

Baginya, itu adalah peluang terbaik untuk dia menghabiskan masa bersama keluarganya.

"Jika ada waktu terluang terutamanya pada hujung minggu, saya akan datang ke sini untuk beriadah kerana kawasan ini dekat dengan rumah.

"Apa yang menarik, pihak MPAJ mengadakan sambutan Hari Tanpa Kenderaan di kawasan ini dan ia memberi banyak ruang kepada para pengunjung untuk beriadah," katanya ketika ditemui *Pesona* baru-baru ini.

NUR HUDA

HASROLNIZAM

NORAZINIZAH

Dalam pada itu, Nur Huda berkata, suasana di kawasan tersebut pada pagi itu cukup meriah berikutan diadakan sekali sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia.

"Pengunjung bukan sekadar datang beriadah, malah boleh melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

"Bagi saya, sambutan ini sesuatu yang bagus untuk diraikan kerana pengunjung yang hadir akan mengetahui mengenai kepentingan menjaga buah pinggang," ujar wanita yang berasal dari Kedah.

Sementara itu, seorang lagi pengunjung, **Mohamad Asri Awang**, 35, berkata, dia datang ke padang itu untuk membawa anaknya menyertai pertandingan mewarna yang diadakan sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang diadakan di situ.

## Program

"Pelbagai program menarik diaturkan sepanjang program ini berlangsung dan anak-anak saya juga gembira apabila berpeluang menyertai pertandingan mewarna yang diadakan oleh pihak penganjur," katanya yang bekerja di sebuah syarikat swasta.

Tambahnya, sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang diadakan itu bukan sahaja menjadi platform untuk ahli keluarga beriadah, malah dapat mengeratkan lagi hubungan masyarakat setempat.

Sementara itu, **Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari** berkata, setiap hari Ahad minggu kedua pada setiap bulan, MPAJ mengadakan program Hari Tanpa Kenderaan di kawasan ini.

"Program itu diadakan untuk memberi lebih banyak ruang bagi masyarakat setempat beriadah dan ia telah diadakan sejak tahun 2018 lagi.

"Bagi kami, program ini merupakan salah satu cara untuk MPAJ mendekati masyarakat setempat," katanya.

Tambahnya, pihaknya juga turut bekerjasama dengan organisasi-organisasi lain bagi memeriahkan lagi program tersebut.

PARA peserta menyertai acara senamrobik sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di padang MPAJ baru-baru ini.

**Pakar Perunding Perubatan dan Nefrologi, Unit Nefrologi Hospital Ampang, Dr. Norazinizah Ahmad Miswan** berkata, bersempena program yang dilaksanakan oleh MPAJ, pihaknya mengambil kesempatan untuk bekerjasama menganjurkan Hari Sambutan Buah Pinggang Sedunia yang disambut pada 14 Mac setiap tahun.

Tegasnya, objektif utama penganjuran program itu adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam bahawa pentingnya untuk menjaga buah pinggang.

"Untuk sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia, kami bukan sahaja menjalankan aktiviti *fun walk* malah memberikan pemeriksaan kesihatan.

"Pengunjung boleh melakukan pemeriksaan asas buah pinggang di sini," katanya yang juga merupakan pengarah program tersebut.

Dalam pada itu, Norazinizah menjelaskan, masalah penyakit buah pinggang merupakan penyakit ke-11 penyebab utama kematian di dunia.

Tegasnya, jika tidak dikawal, penyakit ini dijangka menjadi penyakit kelima penyebab kematian pada tahun 2040.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>22 MAC 2019 (JUMAAT) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Identiti syurga makanan tercalar |
| Muka Surat | 46-47 |



Isu gerai tidak teratur, peniaga haram di Kampung Baru

# Identiti syurga makanan tercalar

Oleh **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN**
kota@utusangroup.com.my

**■ KUALA LUMPUR 21 MAC**

BOLOT parkir awam sesuka hati, menghalang laluan pejalan kaki dan mengabai kebersihan kawasan sekeliling.

Itu kesimpulan yang menggambarkan sikap jelik penjaja dan peniaga tepi jalan di Kampung Baru, di sini sehingga menjejaskan imej dan identiti kampung berkenaan sebagai syurga makanan di ibu kota.

Operasi perniagaan mereka di situ dijalankan seolah-olah mempunyai 'lesen besar' malah tidak pernah menghiraukan undang-undang dan penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan,

Tidak kisah di mana sahaja, asalkan boleh berniaga. Itulah sikap segelintir peniaga yang masih tidak dapat memahami dan mematuhi peruntukan undang-undang serta peraturan perniagaan,

Kebanyakan peniaga yang menguasai kawasan bahu jalan itu didakwa bukan sahaja tidak berlesen malah bertindak sesuka hati mendirikan gerai mudah alih tanpa rasa bersalah terutama di sepanjang laluan pejalan kaki dan di hadapan pintu masuk premis lain.

Meskipun ada peniaga yang sudah beberapa kali diberikan amaran dan notis oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya tidak berniaga di situ, mereka tetap berdegil.



**PAPAN tanda bagi menghalang pelanggan meletakkan kenderaan di hadapan gerai di Kampung Baru.**

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan itu baru-baru ini mendapati dakwaan penduduk mengenai masalah yang mengganggu kesejahteraan penduduk itu berasas terutama di Jalan Raja Muda Musa bermula dari pintu gerbang sehingga Jalan Raja Alang.

Keadaan gerai yang tidak teratur itu bukan sahaja mengundang kesesakan terutama di waktu puncak malah mencacatkan pemandangan, sekali gus mengubah persepsi orang ramai di sebalik pesona dan tarikan di kawasan tumpuan itu.

Berdasarkan pemerhatian, kawasan yang dahulunya bersih kini dipenuhi sisa-sisa makanan, tumpahan minyak dan air limbah yang mengundang bau tidak menyenangkan.

Sementara itu, Penasihat Kesihatan dan Alam Sekitar, Lembaga Pentadbiran Malay Agricultural Settlement (MAS) Kampung Baru, Raden Salikun Mui berkata, imej Kampung Baru sepatutnya dipelihara dari segenap aspek dan ia menjadi tanggungjawab semua pihak. Katanya, perkara itu penting untuk mengekalkan kelestarian dan keunggulan Kampung Baru sebagai destinasi tumpuan pelancong selain menjadi pemangkin dalam melonjakkan ekonomi golongan Bumiputera.

"Kalau imej Kampung Baru ini tidak dijaga, apa yang boleh kita banggakan sebagai kampung tradisi Melayu berusia lebih 100 tahun sedangkan ia 'tersepit' dalam pembangunan di segi tiga emas ini.

"DBKL perlu menyelesaikan isu ini dengan cara menempatkan mereka di lokasi lain bagi mengembalikan imej Kampung Baru," ujarnya yang juga penduduk Kampung Baru itu.

## REAKSI



"DBKL perlu bertindak lebih tegas terhadap peniaga tidak berlesen yang menguasai bahu-bahu jalan di Kampung Baru. Tindakan ini bertujuan memberikan keadilan kepada peniaga lain yang menjalankan perniagaan mengikut undang-undang."

**RADEN SALIKUN MUI**
**Penduduk Kampung Baru**



"TINDAKAN segelintir peniaga membolot petak parkir awam untuk dijadikan sebagai tapak perniagaan menggambarkan sikap mementingkan diri lebih-lebih lagi dengan masalah kekurangan kemudahan yang dihadapi."

**IZZATUL AMRI ABDULLAH**
**Pengunjung**



"Kampung Baru bukan sahaja dijadikan contoh kerana mempunyai kepelbagaian juadah makanan tetapi juga penempatan gerai tersusun dan persekitaran yang bersih."

**AYOB HASSAN**
**Pengunjung**

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>22 MAC 2019 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Rangka motosikal, peti sejuk dicampak dalam sungai |
| Muka Surat | 46 |

# Rangka motosikal, peti sejuk dicampak dalam sungai

UM 22/3/19 MS 46.

**KUALA LUMPUR 21 Mac** – Rangka motosikal lama, peti sejuk, kerusi dan tilam antara barangan yang ditemui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) semasa melakukan kerja-kerja pembersihan bawah Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) yang bermula sejak 2011.

Disebabkan sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab itu, JPS terpaksa menanggung kos pembersihan RM500,000 sebulan yang dibayar kepada kontraktor.

"Bagi 2018, sampah yang dikutip mencecah 127 tan metrik dan jabatan terpaksa menanggung kos yang sangat tinggi.

"Kos itu boleh dikurangkan jika masyarakat boleh mengubah tabiat buruk mereka," kata Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai JPS Md Khairi Selamat.

Projek itu membabitkan pembersihan di Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Ampang, Sungai Batu, Sungai Bunus, Sungai Jinjang, Sungai Keroh dan Sungai Kerayong.

Sementara itu kerja-kerja pembersihan lembangan Sungai Klang sepanjang 110 kilometer untuk projek RoL itu telah mencapai 86 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2020.

Md Khairi berkata, projek bernilai RM3.36 bilion itu melibatkan peruntukan 70 peratus untuk menaik taraf sistem kumbahan dan 30 peratus bagi kawalan sungai dan pembersihan.

"Aktiviti pembersihan itu antaranya pemasangan 309 perangkap gris, 588 perangkap sampah, 10 loji rawatan air dan 15 loji rawatan air sungai," katanya.

Beliau menambah jabatannya menyasarkan projek RoL itu mencapai Kelas II menepati skala Indeks Kualiti Air (boleh menyentuh air dan boleh diminum selepas melalui proses rawatan konvensional yang minimum).

Projek RoL adalah projek awal bawah Greater Kuala Lumpur atau Lembah Klang, yang mengangkat Kuala Lumpur sebagai bandar bertaraf dunia bertujuan mengindah dan menghidupkan semula Sungai Klang dan Sungai Gombak. – BERNAMA



**SIKAP buruk masyarakat suka membuang sampah ke dalam sungai menyebabkan Sungai Klang terus tercemar.**